

Proton e.MAS 7 PHEV Jadi Tumpuan di KL Car-Free Morning

EV Dwi-Kuasa Pertama Malaysia Membawa Teknologi Plug-in Hibrid Canggih kepada Orang Ramai

SHAH ALAM, 24 Januari 2026 – Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik penuh pengeluar kereta nasional PROTON, akan mempamerkan Proton e.MAS 7 Plug-in Hybrid Electric Vehicle (PHEV) serba baharu di DBKL Run & KL Car-Free Morning pada Ahad ini, 25 Januari 2026.

Dengan komitmen yang tinggi dalam memperkenalkan teknologi elektrifikasi terkini kepada rakyat Malaysia, PRO-NET membawa Proton e.MAS 7 PHEV keluar dari bilik pameran dan dipamerkan kepada umum, bagi membolehkan orang ramai melihat dan berinteraksi secara langsung dengan kenderaan e.MAS yang bakal dilancarkan, meneroka ciri-ciri inovatif, serta merasai sendiri praktikaliti, kecekapan dan kelestarian pemanduan dwi-kuasa.

“Di PRO-NET, visi jenama kami adalah bagaimana kenderaan Proton e.MAS boleh menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia,” kata Puan Salawati Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET. “Dengan membawa Proton e.MAS 7 PHEV terus ke acara komuniti seperti KL Car-Free Morning, kami menjemput orang ramai untuk melihat sendiri teknologi terkini e.MAS 7 PHEV dan merasai bagaimana EV Dwi-Kuasa pertama Malaysia ini menjadikan pemanduan jarak dekat lebih lestari dan pemanduan jarak jauh lebih efisien.”

Terokai Proton e.MAS 7 PHEV dan Tempah Sekarang

Pengedar rasmi PRO-NET akan berada di lokasi tersebut untuk memperkenalkan teknologi elektrik dan plug-in hibrid yang digunakan pada kenderaan ini. Para pengunjung berpeluang untuk mengetahui manfaat praktikal pemanduan mobiliti elektrik, termasuk kegunaan harian, kelestarian, serta potensi penjimatan dari segi tenaga dan penyelenggaraan, bagi membantu rakyat Malaysia membuat keputusan yang bijak dalam beralih kepada mobiliti lestari.

Tempahan untuk Proton e.MAS 7 PHEV serba baharu, EV Dwi-Kuasa pertama Malaysia, boleh dibuat secara langsung di acara tersebut bersama pengedar rasmi PRO-NET. e.MAS 7 PHEV dibuka untuk tempahan pada 13 Januari 2026 selepas cabaran pandu uji secara siaran langsung selama 25 jam yang membawa e.MAS 7 menempuh lebih 1,100 km dari Pulau Pinang ke Johor Bahru, sebelum tiba dengan selamat di PROTON Center of Excellence (COE). Perjalanan ini bukan sahaja membuktikan kecekapan sebenar kenderaan, tetapi juga kesediaannya untuk perjalanan jarak jauh.

- **Jangkaan harga: RM110,000 – RM130,000**
- **Yuran tempahan: Tempah sekarang dengan hanya RM99 di mana-mana bilik pameran Proton e.MAS sah di seluruh negara***
- **Insentif awal: Rebate RM500 untuk 5,000 pelanggan terawal****

**Tertakluk kepada Terma & syarat*

*** Terhad kepada 5,000 pelanggan terawal yang berjaya mendaftar e.MAS 7 PHEV mereka.*

Layari laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 7 PHEV.

#ProtonEV #PROTONeMAS5#OwnYourSpace #FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV
#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawaian Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global